

01 SEP 1998

MAHATHIR ADAKAN MESYUARAT KHAS KABINET

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini mengadakan mesyuarat khas kabinet bagi membincangkan langkah-langkah menangani kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi negara.

Mesyuarat yang bermula pukul 9 pagi itu berlangsung kira-kira satu-setengah jam dan menteri-menteri kabinet kelihatan mula meninggalkan Jabatan Perdana Menteri pukul 10.45 pagi.

Mesyuarat mingguan kabinet ialah pada hari Rabu tetapi ia pernah diadakan pada hari-hari lain bagi membincangkan perkara khusus seperti belanjawan negara.

Pada pukul 3 petang ini Perdana Menteri dijadualkan ditemuramah mengenai keadaan ekonomi negara dan akan disiarkan secara langsung oleh RTM melalui TV1 dan TV2 serta semua stesen radionya.

Menurut seorang pembantu Perdana Menteri, Dr Mahathir akan ditemuramah oleh panel yang terdiri daripada Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times Press Datuk A. Kadir Jasin, Pemangku Editor Eksekutif Bernama Yong Soo Heong dan Pengarah Bahagian Ekonomi Public Bank Berhad Nasaruddin Arshad.

Beliau dijadual mengadakan persidangan berita selepas temuramah itu.

-- BERNAMA

AFY NMO